1. Yang diiqtibas boleh berubah sedikit dari asal, yakni, lafaz-lafaznya tidak mesti sama benar-benar dengan yang asal.

2. Yang diiqtibas tidak mesti sama riwayat dan tujuan dengan yang asal.

3. Yang diiqtibas boleh dipakai dengan bebas menurut makna lughah.

1. Satu ayat yang diturunkan bagi satu urusan, bolehkah kita pakai bagi urusan lain, seperti:

Qālat yā wailatī ‘a‘alidu wa ana’ᶜajūzun wahadu baᶜlī shaīkhan inna hadū lisha ‘un ᶜajībun – (Hud 72)

Maksudnya: Ketika Nabi Ibrahim diberi khabar oleh malaikat bahawa ia akan dapat anak, isteri Nabi Ibrahim berkata: “Hairan! Adakah aku boleh beranak pada hal aku seorang perempuan tua dan suamiku ini (pun) seorang tua?! Sesungguhnya ini satu perkara yang aneh!”

Bolehkah kita pakai rangkaian: “Sesungguhnya ini satu perkara yang aneh!” Itu bagi sebarang keanehan yang kita berjumpa walaupun bukan dalam urusan perempuan tua mendapat anak?

ب. Menurut kaedah usul al-fiqh bahawa:

Al-ᶜibrata biᶜumum al-lafaẓ lā bikhuṣuṣ al-sabab

Ertinya: Yang teranggap itu ialah umumnya lafaz bukan khususnya sebab, yakni, tiap-tiap ayat boleh dipakai menurut keluaran erti lafaznya. Tidak mesti terikat dengan sebab turunnya ayat itu.

Jadi rangkaian “Sesungguhnya ini satu perkara yang aneh?” Boleh kita pakai di mana sahaja ada keanehan.

-dari “Hikmah” Jakarta

Masjid Nabi di Madinah

Kerajaan Saudi Arabia telah membelanjakan kira-kira 20 juta ringgit wang Malaya kerana membesarkan “Al-Masjid al-Nabawi” di Madinah yang telah pun siap pada bulan yang lalu. Masjid Nabi sekarang telah menjadi lebih dua kali ganda besarnya daripada dahulu dan bersesuaian dengan angka jemaah haji yang makin bertambah dari setahun ke setahun.

Masjid al-Haram di Mekah al-Mukarramah juga sedang diatur hendak diperbesarkan daripada 360,000 kaki persegi kepada 1,020,000 kaki persegi yakni tiga kali ganda.
Beberapa buah rumah yang berhampiran dengan masjid itu akan diruntuhkan. Rancangan ini dianggarkan akan memakan belanja sebanyak 30 juta ringgit (dengan kiraan wang Tanah Melayu) termasuk belanja ganti rugi kepada tuan punya rumah-rumah yang akan diruntuhkan itu.

Kitab-kitab Dari Mesir Untuk Kolej Islam

Menurut keterangan Dato’ Syed Ibrahim bin Omar al-Biqaf bahawa pihak muktamar Islam di Mesir telah bermurah hati hendak menghantarkan kitab-kitab agama dan buku-buku pengetahuan Islam ke Tanah Melayu. Sebahagian untuk kutubkhanah Madrasah al-Junid Singapura dan sejumlah besar untuk kutubkhanah Kolej Islam. Kitab-kitab yang dihadiahkan kepada Kolej Islam adalah dianggarkan berharga 3,000 pound atau lebih kurang $26,000.

Lagi Dua Profesor Dari Mesir

Selain daripada itu dua professor Mesir akan tiba ke Tanah Melayu tidak lama lagi seorang di antaranya akan mengajar di Kolej Islam dan seorang lagi akan mengajar di salah sebuah sekolah agama di Singapura (dipercayai di Madrasah al-Junid al-Islamiyah –P.Q)